



#### **BISHOP DIOSIS**

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

#### **BISHOP SUFFRAGAN**

- **Diosis Kawasan Timur Diosis Sabah**  
The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais
- **Diosis Kawasan Barat Diosis Sabah**  
The Rt. Revd. Kenneth Thien
- **Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah**  
The Rt. Revd. John Yeo

#### **REKTOR**

The Rt. Revd. John Yeo

#### **PEMBANTU REKTOR**

Revd. Ho Kee Chung

#### **PADERI/PASTOR**

- Revd. Robert Chin (Sukarela)
- Revd. Dr. Moses O. Afful Jr. (Sukarela)
- Ps. Teh Chong Lay (Sukarela)

#### **ZON BI: REV NELSON TAI ZUN BIN**

- **Dewasa:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun
- **Belia:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun
- **Muda-Mudi:** Revd. Nelson Tai Zun Bin
- **Kanak-Kanak:** Doris Chin

#### **ZON BC: REV. HO KEE CHUNG**

- **Dewasa:** Revd. Ho Kee Chung
- **Belia:** Alan Chung
- **Muda-Mudi:** Yvonne Lee
- **Kanak-Kanak:** Chan Mei Yong
- **Warga Emas:** Kok Feh Ken

#### **ZON BM:**

- **SPC:** Revd. Anzen Daud
- **PJA:** Revd. Majelus Majar
- **Dewasa:** Revd. Anzen Daud
- **Belia:** Danny Daniel
- **Muda-Mudi:** Jackson Samuel
- **Kanak-Kanak:** Meros Majar

#### **PELAYANAN SOKONGAN**

- **Penjagaan & Kasih:**  
Alex Wong Chun Sang
- **Kaunseling:** Ps. Lim Bun Hui
- **Sistem Bunyi:** Jackson Samuel
- **Doa:** Chu Sui Fun
- **Pasukan Pujian:** Esther Hoo
- **Pusat Sumber:** Jeanie Hiew

#### **STAF PENTADBIRAN**

- **PA Rektor:** Annie Chiew
- **Pentadbiran:** Margaret Khong
- **Penyelenggaraan:**  
Rommel Lumantas
- **Pengangkutan:**  
Rommel Lumantas
- **Kebersihan:** Margaret Khong

#### **GEREJA MISI**

- **Tarakan, Korpri, Malinau & Tanjung Selor**  
Revd. Jakobus Chong  
Ps. Lim Tze Ling  
Ps. Daniel Musa Litu
- **Nunukan**  
Revd. Roy Nol Simon
- **Sebakis**  
Revd. Martin Ataring
- **Seimenggaris**  
Revd. Ferdinan Antonis  
Ps. Christinah Simon
- **Sekalayan**  
Revd. Alexander Nenotek

## **HATI YANG RELA UNTUK MELAYANI**

*“Setibanya di situ mereka berkumpul, lalu mereka menceritakan segala sesuatu yang yang Allah lakukan dengan perantaraan mereka, dan bahwa Ia telah membuka pintu bagi bangsa-bangsa lain kepada iman.”(Kisah Para Rasul 14:27)*

Syukur kepada Tuhan, pasukan misi ke Brunei yang kedua telah pergi dan kembali dengan selamat pada 9-13 Ogos yang lalu. Perjalanan misi ini merupakan satu pengalaman pelayanan yang penuh berkat dan bermakna. Berikut ialah kesaksian mereka:

### **[Kesaksian Peribadi]**

**Ho Ken Kong** - Perjalanan misi ini bukan sekadar satu kesempatan bagi saya untuk melayani, tetapi juga merupakan pengalaman pembelajaran yang sangat berharga dan satu peringatan yang bermakna. Saya belajar bahawa pelayanan misi tidak semestinya bermaksud melakukan sesuatu yang benar. Ia boleh bermula dengan mengambil berat tentang satu orang. Sapaan yang sederhana, pemberian kecil, sebuah lagu, atau bantuan dalam perkara praktikal pun boleh membantu seseorang merasakan kasih Tuhan. Ketika kami mengunjungi rumah orang-orang tua, saya juga menyedari bahawa walaupun kami datang untuk melayani mereka, kami sebenarnya turut belajar banyak perkara daripada mereka.

Menyertai tarian pujian di tempat awam juga menyedarkan saya bahawa pelayanan gereja tidak seharusnya hanya dilakukan di dalam gereja. Kita perlu keluar ke tengah-tengah masyarakat dan menjangkau mereka. Perjalanan misi ini mengajar saya bahawa apa yang penting di dalam melayani ialah hati yang rela memberi respon terhadap panggilan Tuhan dan bukan tentang seberapa banyak yang kita dapat lakukan. Apabila kita rela mengambil langkah pertama, Tuhan akan menyediakan peluang-peluang dan boleh menggunakan perkara-perkara kecil yang kita lakukan untuk memberkati orang lain.

### **Adeline Tan**

Semasa perjalanan misi, saya melihat sukacita dan kerinduan untuk menyembah di dalam diri saudara dan saudari kami di gereja tempatan. Walaupun banyak di antara mereka yang sudah berumur dan mempunyai kesukaran untuk bergerak, serta menghadapi keterbatasan oleh keadaan persekitaran keagamaan di negara tersebut, tiada apa pun yang dapat menghalang mereka daripada mendekatkan diri kepada Tuhan.

*Muka surat seterusnya...*

Alamat: P.O. Box 279, 91007 Tawau, Sabah.

Tel: 089-772212 (Pejabat Gereja)

Email: [spctawau@gmail.com](mailto:spctawau@gmail.com) | Laman Web: <https://www.hoprayer.org.my>

Anglikan  
Diosis Sabah



dari muka surat sebelah...

Apa yang paling menyentuh hati saya ialah seorang wanita yang berumur 82 tahun. Dia memerlukan tongkat dan bantuan seseorang untuk berdiri. Tetapi ketika semua orang menyanyikan lagu **"The Path of Grace,"** dia meminta saya untuk membantu dia berdiri. Walaupun dia tidak dapat berdiri dengan baik, dia tetap berdiri sambil mengangkat tangannya untuk menyembah Tuhan. Saya membantunya berdiri dan menyembah Tuhan bersama-sama dengan dia.

Sambutan yang hangat daripada semua orang di dalam gereja tempatan dan kesatuan dalam kalangan saudara dan saudari di sana juga membantu kami mengalami erti menjadi satu keluarga di dalam Kristus. Saya dan suami ditugaskan dalam pasukan sokongan pelayanan pada kali ini. Saya bersyukur kepada Tuhan kerana melalui pelayanan ini, kami mendapat lebih banyak peluang untuk belajar dan melayani bersama-sama saudara-saudari seiman yang lebih berpengalaman. Ia benar-benar satu berkat yang besar.

Jika saya diberi kesempatan, saya dengan sukacita akan menyertai pelayanan misi lagi. Saya bersyukur kepada Tuhan kerana melindungi kami sepanjang perjalanan ini. Walaupun tubuh kami letih, hati kami dipenuhi dengan kenangan yang indah dan pelajaran yang sangat berharga.

### Alex Wong

Sepanjang lima hari dan empat malam pelayanan misi ini, pasukan kami benar-benar bersatu! Setiap orang mempunyai bahagian pelayanan masing-masing, dan kami yang seramai dua belas orang ini seperti murid-murid Yesus. Tarian pujian sangat memberi kesan yang sangat mendalam kepada kami kerana mereka melakukannya di tempat awam. Melalui tarian pujian tersebut, mereka dapat mengongsikan Injil dengan orang-orang di sekeliling mereka.

Kami juga melawat sebuah rumah warga emas, di mana kami berkongsi tentang Injil, mendoakan mereka dan melayani mereka. Kami juga meluangkan masa untuk berbual atau bercerita dengan mereka seperti sahabat. Sepanjang perjalanan ini, kami mengalami kasih karunia dan pimpinan Tuhan. Kami bersyukur kepada Tuhan dan memuji Tuhan!

# Berita

## TAKZIAH

1. Takziah diucapkan kepada En. Sattu Marthen atas pemergian anak tersayang mendiang Rayden Sattu pada 18 Ogos 2026. Mendiang telah dikebumikan pada 21 Ogos 2026.
2. Pihak gereja juga mengucapkan takziah kepada Puan Chu Sui Fun (Staf bahagian Bahasa Cina), atas pemergian ibu tersayang, 20 Ogos 2026.

## MENARA DOA

24 Ogos 2026 (Isnin) | 7:30 malam | SPC

Topik Doa : Tawau

Yeremia 29:7

"..berdoalah untuk kota itu kepada TUHAN,  
sebab kesejahteraannya adalah  
kesejahteraanmu."



KEBAKTIAN DOA HARI KEBANGSAAN

# MALAYSIA

"MERDEKA UNTUK  
MEMBAWA DAMAI"

30 OGOS 2026 | 11:00 PAGI

RUMAH DOA

TEMA PAKAIAN :

TRADISIONAL ATAU BATIK

## SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN SPCBMKIDS

30 Ogos 2026 | 8:30 pagi | Bilik Joy

Tema : Malaysiaku Sejahtera



## **SINOD DIOSIS SABAH KE-34**

Tarikh : 24-27 Ogos 2026  
Tempat : Katedral All Saints,  
Kota Kinabalu

### **Perwakilan daripada Gereja St. Patrick**

- |                        |                  |
|------------------------|------------------|
| 1. Bishop John Yeo     | 8. Ho Ken Kong   |
| 2. Rev Ho Kee Chung    | 9. Chang Yee Vui |
| 3. Rev Nelson Tai      | 10. Lo Li Jin    |
| 4. Rev Richard Tai     | 11. Grace Cheong |
| 5. Rev Anzen Daud      | 12. Mauming      |
| 6. Rev Majelus Majar   | Singkung         |
| 7. Rev Dr. Moses Afful |                  |

Marilah kita berdoa untuk Sinod Diosis, agar berjalan di dalam pimpinan daripada Roh Kudus.

## **MAKLUMAN PERJALANAN PASUKAN MISI 2026**

**PENANGAH  
27- 31 Ogos 2026**

### **Anggota Misi**

1. Rev. Majelus Majar (Ketua)
2. Dickson Lim Kong Ming
3. Marcella Binti Manjiana
4. Grace Lim Nyet Lee
5. Jovlynna Filla Delfhia Jobin
6. Chen Siong Jun

| <u>Tarikh</u>   | <u>Tempat</u>                |
|-----------------|------------------------------|
| 20-24 Ogos      | Nunukan<br>(Sedang berjalan) |
| 02-05 September | - Silabukan                  |

*Sila doakan setiap pasukan misi di dalam mereka mempersiapkan diri untuk ke ladang misi*

## **PELETAKAN JAWATAN**

Rev Fredoline Babiah telah meletakkan jawatan daripada Diosis Sabah dan kembali ke kampung halaman beliau bersama keluarga. Kiranya Tuhan terus memberkati perjalanan baharu beliau.

## **BAHAN DOA : 40 HARI DOA DAN PUASA (NECF)**

### **Hari ke-17 : 23 Ogos 2026 (Ahad)**

#### **1. Gereja**

Berdoa agar Tuhan mempersiapkan generasi muda untuk bertumbuh dalam kebenaran, termasuk mereka yang mungkin masih berkata atau melakukan perkara yang salah dan belum menyedarinya.

*"..tetapi Allah telah mereka-rekakannya untuk kebaikan, dengan maksud melakukan seperti yang terjadi sekarang ini, yakni memelihara hidup suatu bangsa yang besar."  
(Kejadian 50:20)*

#### **2. Negara**

Berdoa agar langkah-langkah diambil untuk mengkaji semula dasar Pendidikan Malaysia, dengan tujuan untuk menghasilkan warga negara yang baik untuk masa depan yang mampu menghadapi tuntutan dunia yang mencabar. Keberlangsungan hidup negara adalah perkara yang terpenting.

## **PERSEMBAHAN DAN PERSEPULUHAN**

Pemindahan Dalam Talian:  
**Public Bank: 3091827035**

Cek atas nama:  
**St. Patrick's Church, Tawau**



**Persepuluhan**



**Persembahan**

Sila kirimkan salinan slip bank-in atau bukti pemindahan ke nombor : 011-5995 4101

**KHUTBAH MINGGU VISI**  
**DIPERDAMAIKAN UNTUK MENDAMAIKAN**  
**2 KORINTUS 5:17-21**

**1. Diperdamaikan untuk Menjadi Ciptaan Baru (ayat 17-19a)**

*"<sup>17</sup>Jadi siapa yang ada di dalam Kristus, ia adalah ciptaan baru: yang lama sudah berlalu, sesungguhnya yang baru sudah datang. <sup>18</sup>Dan semuanya ini dari Allah, yang dengan perantaraan Kristus telah mendamaikan kita dengan diri-Nya dan yang telah mempercayakan pelayanan pendamaian itu kepada kami. <sup>19</sup>Sebab Allah mendamaikan dunia dengan diri-Nya oleh Kristus dengan tidak memperhitungkan pelanggaran mereka..."*

**2. Pelayanan Pendamaian (ayat 19b-21)**

*"<sup>19</sup>...Ia telah mempercayakan berita pendamaian itu kepada kami. <sup>20</sup>Jadi kami ini adalah utusan-utusan Kristus, seakan-akan Allah menasihati kamu dengan perantaraan kami; dalam nama Kristus kami meminta kepadamu: berilah dirimu didamaikan dengan Allah. <sup>21</sup>Dia yang tidak mengenal dosa telah dibuat-Nya menjadi dosa karena kita, supaya dalam Dia kita dibenarkan oleh Allah."*

**Penerapan Firman Tuhan :**

1. Kita telah diperdamaikan dengan Tuhan melalui Kristus dan telah menjadi ciptaan yang baru. Kongsikan perubahan yang berlaku dalam hidup anda dan bagaimana Tuhan telah memperbaharui anda sejak anda percaya kepada Yesus.
2. Apabila kita menjalankan pelayanan pendamaian dengan membantu orang lain kembali berdamai dengan Tuhan, apakah cabaran yang mungkin kita hadapi? Kongsikan pengalaman anda.